

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN NIK  
SALLEH**

**KAWASAN : PASIR PUTEH**

**SOALAN :**

**YB DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN NIK SALLEH** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan secara terperinci status terkini pembinaan projek Lebuhraya Central Spine Road ke Kelantan .

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek infrastruktur berimpak tinggi yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan di Negeri Kelantan dan Pahang ialah Projek Lebuhraya Kota Bharu ke Kuala Krai dan *Central Spine Road*. Projek Lebuhraya Kota Bharu ke Kuala Krai sepanjang 61.36km telah dimulakan secara berperingkat dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Projek ini dibahagikan kepada tiga (3) pakej utama iaitu:

1. Pakej 1: Wakaf Che Yeh ke Kadok (10.8km)
2. Pakej 2: Kadok ke Machang (28.95km)
3. Pakej 3: Machang ke Kuala Krai (21.61km)

Selaras dengan keperluan trafik semasa, projek ini telah dimulakan dengan tiga (3) kontrak pembinaan iaitu:

1. Pakej 1B: Pasir Hor ke Kadok (7km) telah siap pada Julai 2018;
2. Pakej 2A: Kadok ke Ketereh (6.85km) telah dimulakan pada April 2015 dan dijadualkan siap pada April 2019; dan
3. Pakej 2B: Ketereh ke Kok Lanas (6.2km) telah dimulakan pada November 2017 dan dijadualkan siap pada November 2020.

Seterusnya, Projek *Central Spine Road* dari Kuala Krai, Kelantan ke Simpang Pelangai, Pahang sepanjang 351.3km telah pun dimulakan secara berperingkat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan dibahagikan kepada enam (6) pakej utama iaitu:

1. Pakej 1: Kuala Krai ke Jambatan Sg. Lakit, Kelantan (47km);

2. Pakej 2: Jambatan Sg. Lakit ke Gua Musang, Kelantan (59km);
3. Pakej 3: Gua Musang ke Kg. Relong, Kuala Lipis, Pahang (93.8km);
4. Pakej 4: Kg. Relong, Kuala Lipis ke Raub, Pahang (50km);
5. Pakej 5: Raub ke Bentong, Pahang (54km); dan
6. Pakej 6: Bentong ke Simpang Pelangai, Pahang (47.5km).

Projek ini dilaksanakan secara berperingkat dan pemilihan lokasi projek adalah berdasarkan aspek keselamatan dan kesesakan lalu lintas. Jajaran sepanjang 189.6km telah diluluskan untuk pelaksanaan iaitu 172.1km di Negeri Pahang (Pakej 3, 4 dan 5) dan 17.5km di Negeri Kelantan (Pakej 3).

Pada masa ini, jajaran sepanjang 55.35km dari Merapoh ke Kg. Seberang Jelai, Pahang (Pakej 3) dan 5.78km dari Kg. Asap ke Kg. Sertik (Pakej 5) telah pun siap pembinaan.

Jajaran dalam pembinaan pula adalah sepanjang 54.92km iaitu:

1. Pakej 3 (Seksyen 3D dan 3E1) dari Bulatan Gua Musang, Kelantan ke Merapoh, Pahang (16.3km)
2. Pakej 5 (Seksyen 5B) Kg. Orang Asli Sg. Chandan ke Kg. Asap, Pahang (16km)
3. Pakej 5 (Seksyen 5C2 & 5D) dari Kg. Asap ke Kg. Sertik & Bentong Bypass, Pahang (22.62km)

Jajaran sepanjang 23.55km pula sedang dalam peringkat perolehan iaitu:

1. Pakej 3 (Seksyen 3B dan 3C) dari KM180.5 FT08 ke Bulatan Gua Musang, Kelantan (7km);
2. Pakej 3 (Seksyen 3J) dari Kg. Seberang Jelai ke Kg. Relong, Pahang (6.95km);
3. Pakej 5 (Seksyen 5A) Raub Bypass (9.6km)

Bagi projek baru dalam RP 4, 2019, pakej 2C & 3A dari Kok Lanas ke Bukit Tiu, Machang (19.11km) Projek Lebuh raya Kota Bharu ke Kuala Krai, Kelantan dan keseluruhan Pakej 4 dari Kg. Bapong ke Raub, Pahang sepanjang 48.7km telah pun diluluskan untuk pelaksanaan. Baki pakej yang masih belum dilaksanakan dirancang untuk dilaksanakan dalam tempoh *Rolling Plan* dan Rancangan Malaysia yang seterusnya

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : Y.B. TUAN NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN  
SALLEH [PASIR PUTEH]**

**SOALAN NO. 333**

**Y.B. TUAN NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH [ PASIR PUTEH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah yang diambil bagi memperkukuhkan pembangunan koridor di negeri Pantai Timur.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) ditubuhkan untuk memastikan pengagihan kekayaan yang saksama di seluruh negara, selaras dengan aspirasi negara untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi. Pertumbuhan yang saksama dan mapan di ECER telah membawa manfaat sosioekonomi yang ketara kepada Rakyat melalui Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC). Satu Pelan Induk ECER 2.0 akan dilancarkan untuk hala tuju masa depan.